

JABATAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN
ANTARABANGSA

TARIKH: 28.12.2021 MASA: 09.30

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

SEMPENA

MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH ANUGERAH KOMUNITI MAMPAN 2020 / 2021

TARIKH / MASA / TEMPAT
30 DISEMBER 2021 (KHAMIS)
9.00 PAGI

**DEWAN KENANGA MENARA BANDARAYA
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI
BANDAR PERDA**

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis

Yang Dihormati WHIP Parti

Encik David Marshel a/l Pakianathan

Encik Ahmad Rizal bin Abd Hamid

Encik Muhamad Suzuki bin Ahmad

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Haji Baderul Amin bin Abdul Hamid

Pemangku Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berbahagia Dato' Lee Teong Li

Pengurus Kumpulan

Amphenol TCS (Malaysia) Sdn. Bhd.

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Wakil-Wakil Komuniti Yang Mengambil Bahagian

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama bertemu dan berkumpul dalam Majlis Penyampaian Hadiah Anugerah Komuniti Mampan 2020 / 2021 pada pagi yang barakah ini, anjuran bersama Majlis Bandaraya Seberang Perai dan Amphenol TCS (Malaysia) Sdn. Bhd..

Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Ahli-Ahli MBSP, Tuan Pemangku Setiausaha Bandaraya, Ketua-Ketua Jabatan, warga kerja MBSP, rakan-rakan media dan semua yang turut hadir bersama-sama bagi menjayakan majlis pada pagi ini. Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada urusetia yang terlibat dalam menjayakan majlis pada hari ini.

Saya juga ingin merakamkan ribuan terima kasih dan sekalung penghargaan daripada Majlis Bandaraya Seberang Perai kepada Yang Berbahagia Dato' Lee Teong Li, Pengurus Kumpulan, Amphenol TCS (Malaysia) Sdn. Bhd. di atas kesudian menjadi penaja Program Anugerah Komuniti Mampan 2020 / 2021. Ini merupakan kali ketiga pihak Amphenol TCS (M) Sdn. Bhd. menaja program ini. Kerjasama MBSP dengan

Amphenol TCS (M) Sdn. Bhd. telah terjalin sejak tahun 2016 lagi dan ianya merupakan satu kerjasama strategik menggunakan pendekatan smart partnership melalui konsep 7Ps (*People, Public, Private, Philanthropy, Philosopher and Planet Partnership*). Saya berharap kerjasama dan penajaan seumpama ini akan berterusan untuk tahun-tahun hadapan dan seterusnya. Saya juga menyeru agar lebih banyak penaja tampil ke hadapan untuk bersama-sama MBSP dalam menjayakan program-program seumpama ini.

Saya juga mengalu-alukan kehadiran wakil-wakil komuniti yang telah mengambil bahagian dalam program Anugerah Komuniti Mampan 2020 / 2021 serta tuan-tuan dan puan-puan dalam bersama-sama memeriahkan majlis kita pada pagi ini.

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Majlis pada hari ini ialah bagi menyampaikan Hadiah Anugerah Komuniti Mampan Seberang Perai 2020 / 2021. Program ini telah dilancarkan pada 4 Julai 2020 yang bertujuan untuk memberikan pengiktirafan kepada inisiatif dan pencapaian komuniti yang cemerlang dalam menambah baik kualiti alam dan persekitaran. MBSP telah

bekerjasama dengan Amphenol TCS selaku penaja buat kali ketiga bagi menjayakan Anugerah Komuniti Mampan bagi tahun 2020 / 2021. Anugerah Komuniti Mampan bagi kali ini juga mendapat tajaan bersama Lions Club Bayan Baru Pulau Pinang. Saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada penaja-penaja program ini.

Penyertaan dalam Program Anugerah Komuniti Mampan 2020 adalah terbuka kepada semua Persatuan Penduduk (PP) yang berdaftar, Rukun Tetangga (RT), Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK), *Joint Management Body* (JMB), *Management Corporation* (MC) dan Pusat Sumber Alam Sekitar di kawasan Majlis Bandaraya Seberang Perai.

Penyertaan komuniti dalam Program Anugerah Komuniti Mampan adalah amat menggalakkan kerana didapati ada peningkatan dari tahun ke tahun. Dari 12 penyertaan pada tahun 2013, bilangan komuniti yang menyertai anugerah ini telah bertambah dari tahun ke tahun, iaitu 15 penyertaan pada tahun 2014, 18 penyertaan pada tahun 2015, 21 penyertaan pada tahun 2016/17 dan 22 penyertaan pada tahun 2018/19. Pada tahun ini pula, kita dapat lihat penyertaan sebanyak 25 kumpulan atau komuniti dalam program ini.

Ciri-ciri utama yang diambil kira adalah pelaksanaan pengumpulan siswa organik untuk pengkomposan, aktiviti kitar semula, aktiviti kebun

kejiranan, mengadakan gotong royong kebersihan, landskap kawasan, kegiatan *upcycle* dan aktiviti-aktiviti yang meningkatkan jalinan perhubungan dan silaturrahim penduduk setempat. Skema pemarkahan yang digunakan dibahagikan kepada lima komponen utama iaitu:-

- I. **Perancangan dan Pengurusan** (10 markah), di mana peserta perlu menyatakan iltizam, objektif, visi, misi, carta organisasi, strategi pelan pelaksanaan, bajet, jaringan dengan pihak berkepentingan, sistem pemantauan dan sistem pelaporan.
- II. **Amalan Sisa Sifar** (40 markah), di mana peserta hendaklah sedia mewujudkan program 8R, pengurusan sisa organik, pengurusan minyak masak terpakai, penghasilan bahan pembersih organik (jus sisa buah-buahan tertapai).
- III. **Kebersihan dan Penghijauan** (20 markah), di mana peserta perlu menjaga kebersihan kawasan dan melaksanakan aktiviti penghijauan (landskap taman, bilangan pokok ditanam).
- IV. **Penglibatan Komuniti** (20 markah), di mana setiap komuniti yang menjadi peserta perlu mempunyai kumpulan sasar dan mempunyai bilangan penyertaan, melibatkan integrasi sosial dan mewujudkan kejiranan selamat.
- V. **Program Pengurangan Jejak Karbon** (10 markah), komuniti perlu mengadakan aktiviti kesedaran pengurangan karbon,

menjalankan program komuniti bebas karbon dan program penjagaan dan penanaman pokok.

Dalam anugerah ini, antara contoh aktiviti yang boleh dijalankan oleh komuniti dalam menuju komuniti mampan adalah seperti:-

- a. Kitar Semula
- b. Pengkomposan
- c. Eco Enzim
- d. Penanaman pokok, pengindahan dan pembersihan kawasan
- e. Dusun Bandar
- f. Sessi pendidikan berkenaan isu pembangunan mampan
- g. Kesedaran ke atas rancangan pemajuan, impak alam sekitar, sosial dan ekonomi
- h. Kesedaran dan penyertaan dalam program MBSP dan agensi / badan lain
- i. Program bersama pihak berkepentingan lain seperti sektor perdagangan
- j. Pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar, bukit sungai dan tasik.

- k. Skim menganak-angkat kemudahan awam seperti pili bomba, sekolah dan taman.
- l. Skim pengawasan kejiranan dan kawalan keselamatan.
- m. Sambutan Perayaan Hari Kebesaran
- n. Cintai Kemudahan Awam
- o. Gotong-royong
- p. Penyediaan kemudahan bagi kumpulan kurang berupaya
- q. Perwakilan dalam proses perundingan dan perbincangan ke atas isu kejiranan dan perbandaran
- r. Program sosial, jasmani, pendidikan dan kekeluargaan.
- s. Pembaharuan kawasan kejiranan
- t. Program CSR, latihan keusahawanan dan penwujudan pekerjaan.
- u. Skim komunikasi dalaman dan luaran dengan ahli, penduduk dan organisasi

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Sejak tahun 2013, hadiah bagi Pertandingan Anugerah Komuniti Mampan ini mendapat penajaan pelbagai syarikat dan organisasi. Syarikat dan organisasi yang menaja mengikut tahun adalah:-

- | | |
|-----------------|---|
| Tahun 2013 | - Flextronics Technology (Penang) Sdn. Bhd. |
| Tahun 2014 | - Flextronics Technology (Penang) Sdn. Bhd. |
| Tahun 2015 | - Delta Business Solutions Sdn. Bhd. |
| Tahun 2016/17 | - Amphenol TCS (Malaysia) Sdn. Bhd. |
| Tahun 2018/19 | - Amphenol TCS (Malaysia) Sdn. Bhd. |
| Tahun 2020/2021 | - Amphenol TCS (Malaysia) Sdn. Bhd. dan
Lions Club Bayan Baru, Pulau Pinang. |

Komuniti yang memenangi Anugerah Komuniti Mampan Seberang Perai 2020 / 2021 akan membawa pulang hadiah tajaan Amphenol TCS yang berupa wang tunai dan sijil penghargaan:-

Johan : RM3,000.00 + Sijil Penghargaan

Naib Johan : RM2,500.00 + Sijil Penghargaan

Ketiga : RM2,000.00 + Sijil Penghargaan

Keempat : RM1,000.00 + Sijil Penghargaan

14 Hadiah Saguhati : RM500.00 + Sijil Penghargaan

Manakala, Lions Club Bayan Baru, Pulau Pinang pula menaja dan menyumbangkan Anugerah Khas berupa wang tunai dan sijil penghargaan kepada kategori-kategori berikut:-

- a. Anugerah Khas Inovasi Alam Sekitar Terbaik.
- b. Anugerah Khas Program Prihatin Masyarakat Terbaik.
- c. Anugerah Khas Pengkomposan Terbaik. Anugerah Khas Berkebun di Halaman Rumah Terbaik.
- d. Anugerah Khas Program 8R Terbaik.
- e. Anugerah Khas Pusat Pendidikan Kitar Semula Terbaik.

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Saya ucapkan Syabas dan Tahniah kepada pemenang-pemenang Hadiah Anugerah Komuniti Mampan Tahun 2020 / 2021. Saya doakan agar semua peserta Anugerah Komuniti Mampan 2020 / 2021 maju jaya dan semoga usaha-usaha yang dilaksanakan akan terus diamalkan dan memberi manfaat berterusan kepada komuniti dan persatuan masyarakat. Saya juga berharap akan ada lebih banyak penyertaan pertandingan ini di tahun-tahun akan datang. Terima kasih sekali lagi kepada Amphenol TCS (M) Sdn. Bhd. dan Lions Club Bayan Baru, Pulau Pinang atas kerjasama dan sokongan yang diberikan untuk menjayakan program ini.

MBSP amat-amat mengharapkan Program Anugerah Komuniti Mampan dapat mencapai sasaran *Seberang Perai Corporate Priorities* di mana warga Seberang Perai memahami sepenuhnya konsep 8R yang dibawakan oleh MBSP, mampu mengendalikan dan mempraktikkan kompos daripada sisa makanan di rumah, membantu Seberang Perai mencapai kadar kitar semula sebanyak 70% menjelang tahun 2022 dan akhir sekali mewujudkan komuniti rendah karbon ke arah pembentukkan Bandaraya Seberang Perai menjadi Bandaraya Rendah Karbon pada tahun 2022, Bandaraya Neutral Karbon pada tahun 2030 dan Bandaraya Sifar Karbon pada tahun 2050.

Terima kasih sekali lagi kepada Ahli-Ahli Majlis, Tuan Pemangku Setiausaha Bandaraya, Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai-Pegawai Kanan, PWDC dan JPWK, warga kerja MBSP dan seluruh warga Seberang Perai dalam memberikan komitmen penuh dalam menjayakan program-program MBSP, dasar-dasar baru MBSP dan Hala Tuju MBSP dan saya pasti dengan komitmen ini, “***Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan***” atau “***Seberang Perai Aspiring City of Tomorrow***” dapat direalisasikan pada tahun 2022.

Sekian,

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.***

Terima kasih, Xie Xie, Nandri, Thank You.